

## **Pengambilan Giliran dalam Sidang Media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia**

*Taking Turns in the COVID-19 Press Conference of the Ministry of Health Malaysia*

Shamin Binti Sharif  
[shaminsharif@gmail.com](mailto:shaminsharif@gmail.com)

Mohd Khaidir Bin Abdul Wahab  
[mohdkhaidir@usm.my](mailto:mohdkhaidir@usm.my)

Rozaida Binti Abdul Rauf  
[rozaida@usm.my](mailto:rozaida@usm.my)

Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA

**Published:** 31 December 2021

**To cite this article (APA):** Sharif, S., Abdul Wahab, M. K., & Abdul Rauf, R. (2021). Pengambilan Giliran dalam Sidang Media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 91-102. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.9.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.9.2021>

### **ABSTRAK**

Pengambilan giliran merupakan unit paling asas dalam sesebuah perbualan. Setiap perbualan mempunyai struktur interaksi yang tersendiri. Kajian ini akan mengenal pasti dan membincangkan mengenai pengambilan giliran dalam sidang media COVID-19 Kementerian Kesihatan Malaysia dengan memfokuskan kepada dua sidang media COVID-19 iaitu pada 17 April 2020 dan 24 Oktober 2020. Sidang media ini melibatkan dua sesi namun fokus kajian adalah pada sesi kedua di mana ia melibatkan proses tanya jawab antara pemeran iaitu pihak kerajaan dan pihak wartawan. Kajian kualitatif dimanfaatkan dalam kajian ini melalui analisis kandungan teks. Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini ialah melalui muat turun data dan kemudiannya, ujaran tersebut ditranskripsi serta disimpan dalam bentuk teks bertulis. Perbincangan kajian pula mengaplikasikan teori Analisis Perbualan oleh Liddicoat (2011) yang telah menggariskan tiga peraturan iaitu penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya dan penutur semasa meneruskan perbualan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga peraturan pengambilan giliran iaitu penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya dan penutur semasa meneruskan perbualan dipatuhi oleh pemeran dalam sidang media COVID-19 KKM. Dalam peraturan pengambilan giliran, penutur semasa memilih penutur berikutnya mendominasi peraturan lain. Di samping itu, penggunaan bahasa dalam konteks kesantunan berbahasa juga dititikberatkan oleh pemeran melalui pengambilan giliran pada sidang media ini. Oleh itu, kepatuhan pengambilan giliran dalam kalangan pemeran dapat memastikan keberkesanan penyampaian maklumat dalam sidang media COVID-19 di Malaysia.

**Kata kunci:** Pengambilan giliran, sidang media, tanya jawab

### **ABSTRACT**

*Taking turns is the basis of a good conversation. Each conversation has its own structure of interaction. This study will identify and discuss about turn-taking in the COVID-19 press conference of the Ministry of Health Malaysia. This study focuses on the COVID-19 press conferences made on 17th April 2020 and 24th October 2020. The press conferences involve two sessions. However, this study focuses on the second session, which*

*involves a Question and Answer process between the characters, namely the government and journalists. Qualitative research is utilized in this study through text content analysis. The data collection method is downloading the data and then transcribing the utterances and storing them in written form. This study applies the theory of Conversation Analysis by Liddicoat (2011) which outlines three rules, namely when choosing the next speaker, self-selecting the next speaker and the speaker while continuing the conversation. The findings of the study showed that the three rules of turn taking were observed by the speakers in the press conference. In the turn-taking rule, choosing the next speaker dominates the other rules. In addition, it can be seen that language politeness is emphasized by the speakers when taking turns. Therefore, as speakers observed the turn taking rule, it ensures the effectiveness of delivering information during the COVID-19 press conference.*

**Keywords:** *Turn-taking, press conference, questions and answers*

## **PENGENALAN**

Tahun 2020 menyaksikan episod baru dalam sejarah perubatan dan kesihatan iaitu seluruh dunia telah dikejutkan dengan penularan virus COVID-19 pada penghujung Disember 2019. Perkara ini memberikan impak terhadap seluruh aspek kehidupan (Chakraborty dan Maity, 2020). Wabak baharu ini dikenali sebagai *Novel Coronavirus 2019* atau COVID-19. Isu serangan virus COVID-19 di seluruh dunia menimbulkan kebimbangan dan kekalutan seluruh penduduk dunia (Mohd Shahremy, 2020: 1). Penemuan pertama wabak ini ialah di Wuhan, Hubei, China dan diiktiraf oleh 'World Health Organization' atau Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Walaupun situasi semasa semakin cemas dengan peningkatan kes COVID-19, tetapi penyampaian maklumat berkaitan wabak ini perlu disalurkan kepada masyarakat. Di Malaysia, sumber maklumat perihal COVID-19 disalurkan oleh sumber rasmi kerajaan iaitu melalui sidang media.

Secara umumnya, sidang media merupakan wacana lisan terancang kerana perbualan yang wujud ini berpandukan kepada teks ucapan yang disediakan. Keberkesanan sesuatu wacana amat bergantung kepada sejauh mana aspek-aspek bahasa digembleng atau disusun oleh pewacana (Tengku Shahrolnizam dan Rohaidah, 2021). Ini kerana, teks ucapan tersebut digunakan sebagai rujukan kepada penutur untuk menyampaikan maklumat. Dalam sidang media bertarikh 17 April 2020 dan 24 Oktober 2020, ia melibatkan dua sesi di mana pada sesi pertama, maklumat disampaikan oleh Dr. Noor Hisham (DNH) dan sesi kedua, tanya jawab antara DNH dengan pihak wartawan. Namun begitu, kajian ini hanya memfokuskan kepada sesi kedua. Melalui tanya jawab yang berlaku, pengkaji menghasilkan transkripsi daripada bentuk lisan kepada tulisan.

Menurut Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016: 150), pemeran akan sentiasa berusaha untuk menjadikan ujaran mereka mudah difahami serta mempunyai perkaitan dengan konteks supaya dilihat sebagai hanya menuturkan sesuatu yang berkaitan dan diperlukan sahaja. Ini kerana, pemeran memainkan peranan antara satu sama lain. Pengambilan giliran yang teratur dapat membina hubungan sosial yang utuh antara pemeran yang terlibat dalam suatu peristiwa komunikatif (Rohaidah Mashudi et.al, 2017: 73). Oleh hal yang demikian, berdasarkan sidang media yang berlaku, ia menunjukkan bahawa pemeran memahami aturan pengambilan giliran dan masing-masing mengetahui giliran mereka bagi memastikan sidang media yang sedang berlangsung berjalan lancar.

Aspek pengambilan giliran akan dianalisis bagi mengkaji dengan lebih jelas dan terperinci terhadap sidang media tersebut. Hal ini berikutan perbualan yang mematuhi pengambilan giliran dapat memastikan kelancaran sidang media dan keberkesanan penyampaian maklumat. Oleh itu, jelaslah bahawa pengambilan giliran adalah sangat penting terutamanya dalam sidang media COVID-19 KKM bagi memastikan tujuan sidang media ini tercapai iaitu untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pada dasarnya, perbualan adalah tidak berstruktur dan tidak tersusun. Perkara ini sejajar dengan pandangan Wooffitt (2005:5) yang mengatakan bahawa perbualan merupakan sesuatu yang tidak tersusun, tidak terancang dan tidak ada peraturan. Namun begitu, struktur perbualan mempunyai

kesinambungan berdasarkan konteks situasi perbualan tersebut. Menurut Rohadiah et al (2017: 74), struktur perbualan bukanlah suatu proses yang mudah kerana perbualan turut diikuti oleh peraturan-peraturan sosial yang memaparkan salah satu kelompok masyarakat. Oleh itu, kerumitan akan berlaku apabila terdapat pemeran yang cuba mengganggu perbualan dengan tidak mematuhi aspek pengambilan giliran. Apabila aspek pengambilan giliran tidak dititikberatkan oleh pemeran, ia akan menyebabkan perbualan tersebut terganggu dan tidak terancang. Seterusnya, kekeliruan terhadap maklumat yang disampaikan akan berlaku.

Dalam sidang media ini, perbualan yang diujarkan oleh pemeran difokuskan kepada perbualan lisan terutamanya semasa mengambil giliran. Kemahiran perbualan lisan merupakan keupayaan untuk menyampaikan mesej, berkongsi maklumat, pengalaman dan perasaan antara manusia (Nik Hassan, 2003). Ini kerana, masyarakat bukan sahaja menerima maklumat tetapi memahami ujaran yang disampaikan. Oleh itu, pemeran perlu memastikan konteks dan mesej yang disampaikan dapat difahami oleh masyarakat dengan cara menggunakan bahasa yang mematuhi hukum ayat dan tatabahasa. Kegagalan pemeran dalam memahami kemahiran lisan dan menguasai penggunaan bahasa akan menimbulkan banyak masalah terutamanya ketika menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang baik.

Pengetahuan dan penguasaan mengenai aspek perbualan, iaitu pengambilan giliran dapat membantu pemeran untuk memberikan ujaran yang baik. Ini kerana, COVID-19 merupakan isu global yang berlaku di seluruh dunia dan maklumat dapat disalurkan melalui sidang media. Penyampaian maklumat yang tidak mematuhi aspek pengambilan giliran akan mengakibatkan penuluran maklumat yang tidak jelas dan kabur oleh pemeran. Hal ini berikutan pemeran bertindak untuk bercakap dalam masa yang sama dan tidak memberikan ruang serta peluang kepada penutur lain. Oleh itu, aspek perbualan iaitu pengambilan giliran seharusnya dikuasai dan difahami oleh pemeran supaya proses penyampaian maklumat akan menjadi lebih teratur dan keberkesanan maklumat tersebut adalah lebih sah.

Oleh hal yang demikian, melalui pernyataan masalah ini pengkaji akan mengenal pasti aspek perbualan iaitu pengambilan giliran dalam sidang media. Ini kerana, sehingga kini masih terdapat kekurangan terhadap kajian berkaitan dengan sidang media yang menyentuh secara langsung mengenai pengambilan giliran dalam sidang media COVID-19 KKM.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui mengenai aspek pengambilan giliran berdasarkan sidang media COVID-19 KKM.
2. Membincangkan pengambilan giliran berdasarkan sidang media COVID-19 KKM.

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan kajian berikut iaitu:

1. Adakah pengambilan giliran yang terdapat dalam sidang media COVID-19 KKM?
2. Adakah pengambilan giliran dipatuhi oleh pemeran dalam sidang media COVID-19 KKM?

## **SOROTAN LITERATUR**

Pengambilan giliran merupakan salah satu aspek penting untuk dikaji dalam sidang media COVID-19 KKM. Ia membolehkan pengkaji melihat sama ada aspek ini dipatuhi oleh pemeran ketika sidang media COVID-19 KKM berlangsung. Pengambilan giliran merupakan unit asas bagi perbualan. Ini kerana, sistem pengambilan giliran dapat berfungsi dengan baik dalam aktiviti yang berbeza bagi melihat cara sistem ini beroperasi ketika perbualan berlaku. Selain itu, sistem pengambilan giliran juga merupakan syarat yang diselaraskan melalui tindakan manusia (Levinson, 2006). Sukar untuk membayangkan sekiranya sesebuah masyarakat tidak mengatur perbualan mereka. Oleh itu, penutur semasa boleh memilih penutur lain untuk bercakap selepas ujarannya melalui unit pembinaan giliran.

Nur Amirah (2020) dalam kajiannya membincangkan mengenai pengambilan giliran berturut melalui bual bicara di radio IKIM FM. Kajian ini berasaskan teori Pengambilan Giliran yang dipelopori oleh Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) yang dikembangkan semula oleh Liddicoat (2011). Data yang digunakan dalam kajian ini ialah bual bicara radio IKIM FM pada slot Keajaiban Berlapar menerusi Usrah Nurani segmen Destinasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga peraturan pengambilan giliran yang dikemukakan dalam teori Pengambilan Giliran oleh Liddicoat (2011) berlaku dalam kalangan peserta bual bicara radio. Antaranya ialah penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya dan penutur semasa meneruskan perbualan. Namun begitu, kajian hanya difokuskan kepada aspek pengambilan giliran dan tidak melihat dari sudut struktur interaksi yang lain. Walaupun kajian ini hanya memfokuskan kepada satu aspek sahaja, namun ia dapat menunjukkan bahawa aspek pengambilan giliran adalah penting dalam struktur interaksi. Ini kerana, komponen pengambilan giliran dapat memastikan kelancaran sesebuah perbualan yang berlaku.

Seterusnya, Azean Idruwani, Ahmad Mahmood dan Sharil Nizam (2019) turut membuat analisis terhadap turutan ujaran pasangan berdampingan dalam program pengacaraan Wanita Hari Ini. Pendekatan yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah analisis perbualan Heritage (1992). Terdapat 15 pola turutan ujaran pasangan berdampingan dalam program pengacaraan tersebut. Kepelbagaian bentuk tanya jawab struktur isi program pengacaraan dan pasangan berdampingan amat signifikan dalam mencapai tujuan sebenar sesebuah program pengacaraan seterusnya mewujudkan perbualan yang berkesan. Hal ini membuktikan meskipun program pengacaraan Wanita Hari Ini terarah kepada pola turutan ujaran pasangan berdampingan tanya-jawab, namun di sebaliknya terkandung kepelbagaian variasi pasangan berdampingan seterusnya memaparkan lakuan pertuturan yang berbeza mengikut turutan perbualan.

Seterusnya, Aisyah Farah Diba (2018) pula menjalankan kajian berkaitan pola pengambilan giliran dalam dialog filem *Ketika Cinta Bertasbih* oleh Chaerul Umam. Kaedah kajian yang diaplikasikan oleh pengkaji ialah deskriptif kualitatif iaitu dengan menjelaskan pola pengambilan giliran yang berlaku antara watak dalam filem tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa watak dalam filem ini mengambil giliran kerana sebahagian besar dialog dalam filem ini merupakan pertanyaan yang memerlukan jawapan oleh penutur seterusnya. Namun begitu, terdapat watak yang tidak mematuhi pola pengambilan giliran dengan mencelah ujaran penutur yang lain. Celahan tersebut berlaku kerana penutur semasa berlengah untuk memberikan ujaran sehingga menyebabkan penutur seterusnya mencelah. Walau bagaimanapun, celahan yang berlaku tidak menjejaskan pola pengambilan giliran kerana watak lain masih mematuhi pola tersebut dalam filem ini.

Kemudian, Meredith (2017) turut menjalankan berkaitan interaksi secara atas talian berdasarkan analisis perbualan. Penggunaan analisis perbualan sebagai kaedah untuk menganalisis amalan interaksi secara atas talian semakin berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Cabaran utama untuk menganalisis komunikasi dalam talian ialah terdapat pelbagai platform yang boleh digunakan untuk berinteraksi secara atas talian. Oleh hal yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada perbandingan interaksi secara bersemuka dengan interaksi atas talian. Selain itu, kajian juga dijalankan bagi memahami cara perbualan atas talian terhadap peserta yang paling menonjol sehingga menyebabkan berlaku gangguan semasa mengambil giliran. Seterusnya, kajian juga dilakukan bagi memahami cara peserta menangani masalah semasa perbincangan dan memberikan tumpuan kepada pembedaan.

Kajian Meredith (2017) ini menggunakan platform *Facebook*, iaitu ruang sembang untuk mendapatkan data. Pengkaji menggunakan sistem transkripsi Jefferson untuk menghasilkan transkripsi berdasarkan maklumat yang terdapat dalam ruang sembang *Facebook*. Analisis data menunjukkan bahawa kemampuan teknologi membolehkan analisis ini mengambil kira konteks teknologi dan interaksi dalam talian menggunakan analisis perbualan. Apabila kajian memfokuskan kepada analisis perbualan, aspek butiran peserta dan bilangan saluran yang menjadi perhatian peserta dapat dilihat. Oleh itu, ia membuktikan bahawa analisis perbualan dapat memberikan pemahaman yang lebih berkesan mengenai cara teknologi mempengaruhi masyarakat dalam amalan interaksi seperti pengambilan giliran, susunan organisasi, urutan pembukaan dan pembedaan.

Roslina, Hazlina dan Normaliza (2012) pula membincangkan mengenai celahan dalam perbualan pemandu pelancong Malaysia dan pelancong Jepun. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti bentuk celahan yang dilakukan oleh pemandu pelancong Malaysia terhadap pelancong Jepun dan melihat sama ada celahan yang berlangsung di antara pemandu pelancong dengan pelancong Jepun

boleh mengganggu keseluruhan perbualan atau sebaliknya. Kajian melibatkan empat orang informen yang terdiri daripada dua orang pemandu pelancong dan dua orang pelancong Jepun. Penghasilan transkripsi adalah berdasarkan kepada simbol Usami (2000). Hasil kajian membuktikan bahawa pemandu pelancong mahir berbahasa Jepun dan boleh memberi maklum balas secara spontan kepada pelancong. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki oleh pemandu pelancong, iaitu sebutan dan penggunaan morfem yang tidak betul. Terdapat beberapa episod di mana subjek mendapat gambaran yang salah mengenai apa yang telah diberitahu oleh pelancong lalu menyebabkan berlakunya salah faham.

Liddicoat (2011) menggunakan pendekatan Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) sebagai asas kajiannya. Namun begitu, beliau melakukan penambahbaikan dalam bidang analisis perbualan iaitu aspek ambil giliran, pembetulan, pasangan bersebelahan, pembuka turutan, penutup turutan, perkembangan turutan, penceritaan dalam perbualan dan pertindihan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua aspek ini memainkan peranan dalam perbualan. Ini kerana, kelancaran perbualan akan menjadi lebih teratur apabila aspek perbualan dipatuhi. Oleh itu, kajian tersebut akan dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji untuk menggunakan pendekatan Liddicoat (2011) bagi menganalisis sidang media COVID-19 KKM. Namun begitu, pengkaji hanya memfokuskan kepada aspek pengambilan giliran sahaja untuk kajian ini.

Seterusnya, Matheson (2005: 119) pula menganalisis kuasa yang wujud dalam perbualan dan media melalui program penyiaran televisyen. Program penyiaran televisyen ini melibatkan temu bual yang berlaku antara Setiausaha Dalam Negeri Michael Howard dengan wartawan Jeremy Paxman mengenai isu perebutan kuasa pada tahun 1997. Paxman mengajukan soalan kepada Howard mengenai isu berkaitan perselisihan faham antara Howard dengan menteri lain, iaitu Widdecombe. Hasil kajian menunjukkan bahawa melalui temu bual ini, wujud isu kuasa dan perselisihan faham antara ahli politik dengan pihak wartawan. Aspek struktur interaksi semasa temu bual berlangsung antara Paxman dan Howard seperti pengambilan giliran dan pasangan bersebelahan tidak dipatuhi oleh kedua-duanya. Paxman tidak menunggu sehingga Howard selesai memberikan ujaran dan bertindak mengajukan soalan seterusnya. Hal ini menunjukkan bahawa Paxman menganggap jawapan yang diberikan oleh Howard adalah tidak sah atau tidak jelas. Ketidakpatuhan terhadap struktur interaksi menyebabkan temu bual tersebut tidak lancar kerana terdapat gangguan seterusnya menyebabkan maklumat yang disalurkan melalui temu bual ini tidak dapat disampaikan kepada masyarakat.

Seterusnya, dalam kajian yang dijalankan oleh Zaitul Azma (2002) bertajuk 'Gangguan Dalam Sistem Bertutur Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik', pengkaji ini menggunakan pendekatan analisis perbualan oleh Schlobinski dan teori relevans. Berdasarkan kedua-dua pendekatan tersebut, pengkaji menginterpretasikan makna melalui ujaran yang disampaikan oleh kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat makna pada ujaran dan tingkah laku kanak-kanak Melayu ketika berkomunikasi. Kanak-kanak juga mencetuskan gangguan dengan tujuan menyampaikan maklumat, menambahkan maklumat, mendapatkan giliran bertutur dan melahirkan perasaan simpati. Terdapat juga gangguan yang dicituskan oleh kanak-kanak untuk menyatakan bantahan dan mencetuskan konflik. Namun begitu, kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek gangguan bertutur yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak sahaja.

Sacks, Schegloff & Jefferson (1974) turut melakukan kajian berkaitan pengambilan giliran melalui kajian mereka bertajuk "*A Simplest Systematics for the Organization of Turn-Taking for Conversation*". Pengambilan giliran merupakan unit asas perbualan. Terdapat dua komponen yang dinyatakan oleh Sack, Schegloff dan Jefferson (1974) iaitu komponen pembinaan giliran dan komponen penentuan giliran. Komponen Pembinaan Giliran menitikberatkan pengambilan giliran terhadap unit struktur atau sintaksis seperti klausa, frasa, ayat dan pembinaan leksikal. Manakala, komponen Penentuan Giliran pula merujuk kepada hak atau kewajipan untuk bertutur. Kedua-dua komponen ini adalah penting dalam sistem pengambilan giliran bagi memastikan kelancaran semasa perbualan berlaku seterusnya mengelak daripada berlakunya konflik yang tidak diinginkan.

Perbualan dihasilkan dalam konteks interaksi tertentu dan penutur seharusnya peka terhadap konteks yang ingin disampaikan. Perbualan yang berlaku dalam interaksi adalah teratur apabila kita melihat serta mencari corak sistematik dan organisasi melalui aspek pengambilan giliran. Tuntasnya, perbualan bukan sekadar membentuk perkataan atau menyampaikan maklumat tetapi untuk melakukan tindakan sosial.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan proses mengumpul, menganalisis dan mentafsir data. Metodologi yang dipilih haruslah bersesuaian dengan kajian yang dijalankan bagi memastikan kajian itu dapat dijalankan dengan baik (Leedy dan Ormrod, 2001). Bagi kajian ini pula, kajian kualitatif diterapkan melalui analisis kandungan teks. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui muat turun rakaman sidang media dari *YouTube* dan analisis kandungan teks. Proses muat turun rakaman ini bertujuan untuk menerangkan langkah-langkah pengkaji mendapatkan rakaman. Ini kerana, rakaman tersebut adalah penting kerana melaluinya, pengkaji dapat memperoleh data untuk dianalisis. Data kajian yang dikumpulkan dan dianalisis adalah bergantung kepada struktur interaksi dan bukan mengikut tahun dan masa. Kaedah analisis kandungan teks digunakan untuk menganalisis data dalam sidang media COVID-19 KKM yang telah dimuat turun, iaitu pada 17 April 2020 dan 24 Oktober 2020.

Sistem transkripsi sesuai digunakan untuk menganalisis data perbualan secara terperinci. Oleh itu, data kajian ini diperoleh melalui penghasilan transkripsi sidang media daripada bentuk lisan ke bentuk tulisan. Penghasilan transkripsi ini berdasarkan sistem transkripsi yang dikembangkan oleh Jefferson (1985, 2004). Berikut merupakan simbol Jefferson (2004) yang digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan data.

**Jadual 1:** Simbol-simbol Transkripsi dan Penandaan Singkatan

Simbol/singkatan	Maksud
[	pertindihan; mula
]	pertindihan; tutup
[	pertindahan
[	berlaku pada masa sama sekiranya pada tempat yang sama
=	pasangan bersebelahan
(8.0)	tidak bersuara; senyap
(.)	saat berhenti/micropause
(( ))	Aktiviti bukan lisa (bunyi dan sebagainya)
( )	Ujaran yang tidak jelas
(tekaan)	Tekaan untuk ujaran yang tidak jelas
>>	Rentak ujaran bertambah cepat
<<	Rentak ujaran semakin menurun
↓	nada turun
↑	nada naik
DNH	Dr. Noor Hisham
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
SOP	<i>Standard Operating System</i>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
MKN	Majlis Keselamatan Negara
ICU	<i>Intensive Care Unit</i>

Jadual 1 menunjukkan simbol-simbol transkripsi perbualan Jefferson (2004) dan penandaan singkatan perkataan yang digunakan. Pengkaji menggunakan simbol ini untuk menghasilkan transkripsi. Pengkaji akan menerangkan dengan lebih mendalam maksud setiap simbol yang digunakan semasa penghasilan transkripsi tersebut. Hal ini berikutan tidak semua simbol transkripsi ini diaplikasikan dalam transkripsi. Oleh itu, pengkaji hanya menggunakan simbol yang berkaitan sahaja untuk merakamkan perbualan semasa sidang media berlangsung.

## PENDEKATAN ANALISIS PERBUALAN

Perkembangan masa menunjukkan bahawa kajian mengenai analisis perbualan juga mengalami proses perkembangan dan perubahan. Pendekatan yang mendasari kajian ini ialah pendekatan analisis perbualan Liddicoat (2011). Liddicoat (2011) melakukan kajian berkaitan perbualan dan menjadikan

pendekatan analisis perbualan Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) sebagai asas kajian beliau. Liddicoat (2011) tidak melihat perbezaan antara perbualan rasmi dan perbualan tidak rasmi. Sebaliknya, beliau melihat kepada perbincangan dalam proses sosial dan memahami situasi sosial tersebut.

Melalui kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada aspek pengambilan giliran yang wujud dalam perbualan. Pengambilan giliran merupakan unit asas yang berlaku dalam perbualan. Oleh itu, dalam perbualan, hanya seorang penutur sahaja yang boleh bercakap dalam satu masa dan berlaku peralihan penutur semasa ke penutur seterusnya. Dalam hal ini, terdapat beberapa peraturan dalam pengambilan giliran dan adalah penting untuk penutur memahami peraturan tersebut. Pengambilan giliran terbahagi kepada tiga peraturan iaitu:

1. Penutur semasa memilih penutur berikutnya
2. Pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya
3. Penutur semasa meneruskan ujaran

Penutur semasa merujuk kepada peserta perbualan yang memiliki giliran untuk bertutur ketika itu. Penutur berhak memilih mana-mana penutur lain untuk mengambil giliran seterusnya. Pemilihan penutur seterusnya oleh penutur semasa boleh dilakukan dengan menamakan penutur tersebut atau tanpa menamakan penutur.

Semasa perbualan berlaku, berlaku tempat transisi relevans atau *Transition Relevance Place* (TRP) di mana pada waktu ini, berlaku kesenyapan apabila penutur semasa menamatkan ujaran. Jika penutur semasa menamatkan ujaran dan tidak memilih penutur seterusnya, maka penutur lain berhak mengambil giliran untuk memastikan perbualan tersebut tidak tergantung atau berhenti di separuh jalan sahaja. Perkara ini dapat menunjukkan bahawa setiap penutur berperanan penting untuk bertindak dengan mengambil giliran apabila suasana perbualan menjadi senyap dalam jangka masa yang panjang. Namun begitu, pengambilan giliran ini juga boleh mengakibatkan berlaku pertindihan kerana setiap penutur tidak mengetahui penutur seterusnya yang akan meneruskan ujaran.

Pengambilan giliran seterusnya ialah penutur semasa meneruskan ujaran. Kebiasaannya berdasarkan konteks ini, penutur semasa meneruskan ujaran apabila penutur seterusnya yang dipanggil atau disebut tidak mengambil giliran seterusnya. Oleh itu, penutur semasa seharusnya bertindak dengan mengambil giliran sama ada meneruskan perbualan atau menamatkan perbualan. Ini kerana, apabila penutur semasa tidak meneruskan ujaran, ia akan mengakibatkan perbualan tersebut tergantung disebabkan ketiadaan penutur seterusnya yang mengambil giliran.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Perbincangan pada bahagian ini menjurus kepada aspek pengambilan giliran yang terdapat dalam sidang media COVID-19 KKM. Aspek pengambilan giliran memainkan peranan penting terutamanya dalam memastikan kelancaran perbualan yang berlaku. Bagi mewujudkan suasana perbualan yang lancar semasa tanya jawab ini berlangsung, pemeran seharusnya memahami peraturan yang terdapat dalam perbualan seperti aspek pengambilan giliran. Oleh itu, pengkaji akan mengenal pasti dan membincangkan aspek pengambilan giliran yang wujud dalam tanya jawab sidang media ini.

## PENGAMBILAN GILIRAN

Pengambilan giliran merupakan unit paling asas dalam struktur perbualan. Peserta seharusnya berunding dengan penutur seterusnya yang akan bercakap supaya pengambilan giliran yang berlaku akan lebih teratur. Pengambilan giliran terbahagi kepada tiga bahagian iaitu penutur semasa memilih penutur berikutnya, pemilihan diri sendiri sebagai penutur berikutnya dan penutur semasa meneruskan ujaran.

### i. Penutur Semasa Memilih Penutur Berikutnya

Penutur semasa memilih penutur berikutnya bermaksud penutur semasa menamakan penutur seterusnya supaya penutur yang dipilih dapat bersiap sedia untuk memberikan maklum balas. Oleh itu, pengkaji akan membincangkan hal ini dengan lebih jelas pada contoh di bawah.

**Jadual 2:** Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020

<b>Baris</b>	<b>Transkripsi</b>	
85.	Wartawan 3	<u>Dan</u> <u>soalan</u> <u>kedua</u> <u>saya</u> <u>adalah</u> <u>WHO</u> <u>ada</u> <u>menetapkan</u> <u>6</u> <u>syarat</u> ↑
86.		(.) untuk negara yang nak tamatkan <u>PKP</u> . So bagaimana dengan
87.		prestasi Malaysia dalam untuk memenuhi kriteria tersebut?
88.		Terima kasih Datuk.
89.		<b>minit ke-17:46</b>
90.	DNH	Ok. Terima kasih. Jadi memang: aaa.. Saya jawab soalan kedua
91.		dulu yang untuk kita men.. menamatkan aaa.. PKP ni (.) Jadi kita
92.		kena lihat beberapa faktor. Jadi fa... antara faktor yang telah.....

Jadual 2 menunjukkan pengambilan giliran berdasarkan penutur semasa memilih penutur berikutnya. Hal ini demikian kerana wartawan 3 memberikan pernyataan dan mengajukannya kepada DNH. Selepas selesai mengajukan soalan, wartawan 3 memberikan ujaran ‘Terima kasih Datuk’ pada baris 88 untuk menunjukkan bahawa wartawan 3 selesai mengajukan soalan. Ujaran pada baris 88 juga menunjukkan bahawa wartawan 3 memberikan giliran kepada DNH seterusnya memilih DNH untuk mengambil giliran seterusnya. Oleh itu, DNH akan sedar bahawa wartawan 3 telah selesai memberikan ujaran dan memilih dirinya untuk mengambil giliran.

Menurut Liddicoat (2011), penutur semasa yang memilih penutur berikutnya dapat membuktikan bahawa perbualan tersebut telah dirancang. Dalam sidang media ini, perbualan tersebut juga telah dirancang kerana DNH bertindak sebagai penutur utama yang akan memberikan maklum balas untuk setiap soalan. Wartawan pula bertindak sebagai pemeran yang akan mengajukan soalan kepada DNH. Oleh itu, ia dapat menunjukkan peranan DNH dan pihak wartawan dalam sidang media yang berlangsung.

**Jadual 3:** Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020

<b>Baris</b>	<b>Transkripsi</b>	
165.	DNH	Sebab kita punya nasihat ialah lepas kita potong gelang4 hari,
166.		kalau kita nasihatkan mereka untuk duduk di rumah untuk
167.		seminggu dua (.) Jadi untuk kita pastikan <u>kebolehhangkitan</u> ↑
168.		tu kemungkinan terpencil berlaku tapi kita boleh elakkan.
169.		(10.0)
170.		Tan Sri, dalam tempoh PKPB ini (.) kerajaan memutuskan aaa..
171.	Wartawan 3	pekerja awam dan swasta dalam sektor tertentu untuk bekerja
172.		dari rumah (.) memandangkan banyak jangkitan di tempat kerja
173.		di kesan. <u>Namun</u> ↑ ada segelintir mereka yang di dapati
174.		mengambil kesempatan bekerja dari rumah ini untuk keluar buat
175.		aktiviti seperti bersiar-siar, membeli-belah, berjumpa kawan-
176.		kawan dan sebagainya. <u>Jadi</u> mungkin Tan Sri boleh beri nasihat
177.		kepada mereka sekalian.

Jadual 3 pula menunjukkan bahawa DNH memberikan pernyataan bermula pada baris 165 hingga baris 168. Selepas memberikan ujaran, DNH berhenti daripada meneruskan ujaran untuk menunjukkan bahawa beliau telah selesai memberikan maklum balas kepada pertanyaan wartawan sebelumnya. Namun begitu, DNH tidak menamakan mana-mana wartawan untuk mengambil giliran. Ini kerana, DNH berkemungkinan beranggapan bahawa wartawan akan bersiap sedia untuk mengambil giliran. Keadaan menjadi senyap selama 10 saat kerana tidak ada mana-mana wartawan yang



mengambil giliran seterusnya. Hanya selepas itu, barulah wartawan 3 bertindak mengambil giliran dan meneruskan ujaran dengan kembali mengajukan soalan kepada DNH.

Dalam hal ini, ia menunjukkan bahawa DNH memberikan giliran kepada wartawan seterusnya dengan tidak memanggil wartawan berikutnya kerana wartawan seharusnya bersedia untuk mengambil giliran. Wartawan 3 bertindak memberikan maklumat kepada DNH dan pada akhir ujarannya, beliau memberikan kembali giliran kepada DNH dengan meminta DNH memberikan nasihat kepada masyarakat. Tindakan wartawan 3 ini disokong oleh Liddicoat (2011) iaitu penutur semasa iaitu merujuk kepada wartawan 3 boleh menunjukan soalan atau maklumat kepada penutur seterusnya. Oleh itu, maklumat yang diperlukan oleh wartawan 3 seharusnya dijawab kembali kerana wartawan 3 melepaskan giliran seterusnya kepada DNH.

## ii. Pemilihan Diri Sendiri Sebagai Penutur Berikutnya

Pemilihan diri sendiri sebagai penutur seterusnya berlaku apabila berlakunya TRP dan penutur semasa tidak menamakan sesiapa untuk meneruskan ujaran. Maka, mana-mana peserta boleh mengambil giliran seterusnya. Oleh hal yang demikian, setiap peserta perlu memainkan peranan masing-masing semasa perbualan berlaku.

Jadual 4: Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020

Baris	Transkripsi	
195.	DNH	Kita perlu menunggu keputusan daripada MKN. Jadi, MKN kita
196.		adakan aa.. mesyuarat setiap pagi dan kita akan <u>bincangkan</u> isu-
197.		isu ini <u>hanya</u> saya berikan garis panduan yang mana Kementerian
198.		Kesihatan nasihatkan elakkan perhimpunan dan amalkan
199.		penjarakan (.) Dan <u>ini untuk</u> kurangkan penularan jangkitan
200.		COVID-19 (2.0)
201.		<b>minit ke-25:20</b>
202.	DNH	<u>Tadi</u> , ada soalan mengenai kes di Sabah ya (.) dan di Sabah
203.		memang kita ada satu kluster iaitu kita pun aaa.. tengah melihat
204.		pada <u>satu wad</u> di hospital Likas di mana wad tersebut ada

Jadual 4 menunjukkan penutur semasa meneruskan perbualan semasa sidang media COVID-19 berlangsung pada 17 April 2020. Baris 195 menunjukkan DNH memberikan maklumat berkaitan keputusan daripada MKN. Pada baris 200 selepas perkataan 'COVID-19' pula, DNH berhenti selama dua saat sebelum meneruskan semula ujaran pada minit ke-25:20. Di sini, baris 202 menunjukkan bahawa DNH memilih dirinya sendiri sebagai penutur berikutnya dan memberikan maklumat berkaitan kes di Sabah. DNH tidak menamakan mana-mana wartawan untuk mengajukan soalan kerana beliau masih ingin memberikan maklumat. Perkara ini menunjukkan bahawa DNH telah memilih dirinya sendiri untuk memberikan ujaran seterusnya dengan cara tidak membuka ruang kepada wartawan lain untuk mengajukan soalan.

Jadual 5: Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020

Baris	Transkripsi	
45.		(5.0)
46.	Wartawan 2	Assalamualaikum Tan Sri. ↑
47.	DNH	Walaikumsalam.
48.	Wartawan 2	Saya Rosmah daripada RTM. Saya ada dua soalan. (.) Soalan
49.		pertama, dengan jumlah pesakit COVID-19 yang <u>meningkat</u>
50.		tinggi di Sabah, adakah peralatan yang diperlukan untuk
51.		merawat pesakit yang masuk di ICU misalnya mesin <i>ventilator</i>
52.		<u>mencukupi</u> dan: tadi Tan Sri ada menyatakan bahawa aaa.. buat
53.		masa ini terdapat, masih terdapat aaa.. masih terdapat kapasiti

54.		katil di hospital dan pusat kuarantin dan rawatan COVID-19 yang
56.		berisiko tinggi untuk menampung jumlah kes positif

Jadual 5 pula menunjukkan bahawa wartawan 2 telah memilih dirinya untuk meneruskan ujaran selepas DNH menjawab soalan yang diberikan. Hal ini berikutan wartawan 2 telah merancang untuk mengambil giliran seterusnya selepas salam yang diberikan kepada DNH dijawab. Di sini, jelaslah bahawa wartawan 2 telah memilih dirinya sendiri untuk meneruskan ujaran. Wartawan 2 juga dilihat menunggu sehingga DNH selesai menjawab salam tersebut sebelum mengajukan soalan seterusnya. Hal ini turut menunjukkan bahawa wartawan 2 memilih dirinya sendiri untuk meneruskan ujaran selepas DNH.

iii. **Penutur Semasa Meneruskan Ujaran**

iv.

Penutur semasa akan meneruskan ujaran apabila tidak ada peserta yang ingin mengambil giliran seterusnya. Dalam sidang media ini, terdapat juga penutur semasa yang meneruskan ujaran bagi mengelakkan perbualan yang berlaku tidak berjalan lancar.

**Jadual 6:** Sidang Media COVID-19 KKM 17 April 2020

<b>Baris</b>	<b>Transkripsi</b>	
309.	DDNH	<u>Terima kasih.</u> Ubat tersebut telah pun <u>didaftarkan</u> dan aaa... di
310.		bawah Ketua Pengarah Kesihatan kita pun luluskan. Jadi, kita
311.		sekarang ini hanya <u>memantau</u> penggunaan tersebut dan jadi
312.		masih di peringkat yang awal sebelum kita boleh memberi
313.		sebarang laporan. Tetapi ↑ apa yang pasti ubat tersebut dan juga
314.		ubat yang lain, kita tak ada masalah aaa.. mengenai ubat dan dari
315.		segi stok pun semua cukup untuk kita merawat pesakit (.)
316.		<b>minit ke-32:50</b>
317.	DDNH	Ok, terima kasih. (( <b>tunduk dan beredar</b> ))

Jadual 6 menunjukkan penutur semasa iaitu DNH meneruskan ujaran dengan memberikan maklum balas terhadap soalan yang diajukan oleh pihak wartawan. Kemudian, apabila DNH mendapati bahawa tiada lagi soalan yang akan diajukan oleh pihak wartawan, beliau meneruskan ujaran dan menamatkan sesi tanya jawab sidang media pada hari tersebut. DNH bertindak menamatkan sidang media bagi memastikan kelancaran sidang media dan suasana semasa sidang media tidak senyap dalam tempoh masa yang lama. Selain itu, terdapat juga beberapa kemungkinan DNH menamatkan sidang media iaitu DNH mengetahui bahawa wartawan sebelum ini merupakan wartawan terakhir yang akan mengajukan soalan. Oleh itu, DNH bertindak mengambil giliran dan menamatkan sidang media tersebut.

**Jadual 7:** Sidang Media COVID-19 KKM 24 Oktober 2020

<b>Baris</b>	<b>Transkripsi</b>	
395.		(3.0)
396.	DNH	Ok (.) kalau tak ada lagi soalan, sekali lagi saya ingin
397.		memperingatkan ↑ diri saya dan juga orang ramai untuk
398.		kita kalau boleh duduk di rumah. Kalau anda ada urusan
399.		penting (.) pastikan kita patuh kepada SOP yang telah
400.		Kementerian Kesihatan pertengahan dan kita kena jaga
401.		kita. Kita kena jaga keluarga kita dan kita jaga masyarakat
402.		dan negara kita (.)

Jadual 7 pula menunjukkan bahawa berlaku kesenyapan selama tiga saat pada baris 395. Ini bermakna, senyapan tersebut berlaku selepas DNH memberikan ujaran. Apabila berlaku kesenyapan, ia menunjukkan bahawa tidak ada penutur seterusnya selain DNH yang akan mengambil giliran. Oleh itu, DNH bertindak meneruskan giliran sama ada meneruskan ujaran dengan memberikan maklumat tambahan atau menamatkan sesi tanya jawab. Berdasarkan jadual ini, DNH memilih untuk menamatkan perbualan dengan ujaran 'Ok' untuk menunjukkan bahawa keadaan menjadi senyap kerana tidak akan ada sesi tanya jawab antara pihak wartawan dengan dirinya. Oleh itu, beliau mengakhiri sesi tanya jawab tersebut dengan memberikan peringatan kepada masyarakat agar sentiasa mematuhi SOP yang telah dinyatakan oleh pihak kerajaan.

Seterusnya, dalam sidang media ini, aspek kesantunan juga dapat dilihat. Perkara ini ditunjukkan melalui pembuka turutan dan pasangan bersebelahan yang mengaplikasikan aspek kesantunan. Aspek kesantunan juga dapat dilihat dari sudut masyarakat di Malaysia yang mementingkan kesantunan dalam perbualan iaitu dengan menggunakan bahasa yang sopan. Dalam sidang media COVID-19 KKM pada 17 April 2020 dan 24 Oktober 2020, kedua-dua penutur menghormati antara satu sama lain dengan menyantuni sesama mereka melalui penggunaan kata sapaan kepada penutur lain seperti 'Assalamualaikum' dan 'Walaikumsalam'. Penggunaan kata sapaan ini menunjukkan corak perbualan yang lebih teratur dan sopan.

Namun begitu, semasa sesi tanya jawab sidang media COVID-19 ini berlangsung, sering berlaku proses penukaran kod daripada perkataan bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris. Situasi ini terjadi apabila seseorang penutur lebih terbiasa dengan penggunaan istilah dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Perkara ini dapat dilihat apabila DNH yang terbiasa dengan penggunaan istilah dalam bahasa Inggeris menghadapi sedikit kesukaran untuk menukarkan istilah tersebut dalam bahasa Melayu. Hal ini berikutan penggunaan istilah dalam bahasa Inggeris lebih mudah untuk diterangkan kepada masyarakat.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian terhadap sidang media COVID-19 KKM pada 17 April 2020 dan 24 Oktober 2020, hasil mendapati bahawa pemeran mematuhi ketiga-tiga peraturan yang dinyatakan oleh Liddicoat (2011). Apabila ketiga-tiga peraturan ini dipatuhi, ia menunjukkan bahawa sidang media yang diadakan masih dapat dikawal oleh setiap pemeran. Dalam sidang media COVID-19 KKM ini, penutur semasa akan memilih penutur seterusnya untuk mengambil giliran. Apabila penutur semasa memilih penutur berikutnya, peserta perbualan tersebut berhak untuk bercakap dan mendapat giliran untuk bertutur. Namun begitu, apabila DNH mengambil giliran sebagai penutur semasa, beliau akan memberikan giliran kepada wartawan dengan cara tidak menamakan wartawan seterusnya. Hal ini menunjukkan bahawa wartawan seterusnya dapat mengetahui gilirannya sekali gus mengambil giliran tersebut dengan mengajukan soalan. Wartawan yang telah mengambil giliran pula akan memberikan giliran kepada DNH untuk menjawab persoalan yang diajukan. Oleh itu, jelaslah bahawa penutur semasa akan memilih penutur seterusnya dan mendominasi sistem pengambilan giliran dalam sidang media tersebut.

Selain itu, DNH juga cenderung untuk bertindak menjadi penutur semasa dan meneruskan ujaran. Hal ini berikutan DNH akan meneruskan ujaran apabila tidak ada wartawan yang akan mengajukan soalan kepadanya. DNH juga menamatkan sesi tanya jawab apabila sesi tersebut akan berakhir. Beliau bertindak sebagai pemeran yang akan menutup sesi tersebut. Oleh hal yang demikian, berdasarkan dua sidang media ini, penutur semasa memilih penutur seterusnya dengan tidak menamakan penutur tersebut bagi membolehkannya mendominasi aspek pengambilan giliran. Melalui aspek pengambilan giliran, ia menunjukkan bahawa proses yang berlaku semasa sidang media dapat dijalankan dengan lancar. Maklumat yang tepat juga dapat disalurkan melalui sidang media tersebut kerana keteraturan yang berlaku membolehkan penyampaian maklumat menjadi lebih berkesan.

Melalui sidang media ini juga, terdapat aspek kesantunan yang digunakan oleh DNH dan pihak wartawan iaitu dengan memberikan salam sebagai pembuka perbualan. Perkara ini merujuk kepada masyarakat Melayu di Malaysia yang memberikan salam sebelum memulakan sesuatu perkara (Asmah, 2010: 87). Aspek bahasa juga dapat dilihat dalam sidang media ini melalui penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk mengajukan soalan. Penggunaan bahasa Inggeris adalah merujuk kepada

istilah tertentu terutamanya dalam bidang sains. Namun begitu, kedua-dua aspek ini dapat menunjukkan bahawa wujudnya budaya serta masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa. Oleh itu, dengan adanya aspek tersebut, keberkesanan penyampaian maklumat dapat diwujudkan.

## **PENGHARGAAN**

Makalah ini merupakan sebahagian daripada penbiayaan Universiti Sains Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek (304/PHUMANITI/6315361).

## **RUJUKAN**

- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2018). Kesantunan Melayu: Analisis Konteks Perbualan dalam Rancangan Bual Bicara. *GEMA Online<sup>®</sup> Journal of Language Studies* Vol. 18(4):168-185, <https://dx.doi.org/10.17576/gema-2018-1804-11>
- Aisyah Fara Diba. (2018). Analisis Wacana Pola Alih Tutur Giliran Berbicara dalam Dialog Film Ketika Cinta Bertasbih. *Skripsi pada Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia Fakultas Bahasa dan Sains Universitas Wijaya Kusuma Surabaya*.
- Asmah Omar. (2010). *Wacana Temu Duga dan Wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azean Idruwani, Ahmad Mahmood Musani & Sharil Nizam. (2019). Turutan Ujaran Pasangan Berdampingan dalam Program Pengacaraan Wanita Hari Ini. *Jurnal Kesidang Journal* (4), 120-139.
- Chakraborty, I & Maity, P. (2020). Covid-19 Outbreak: Migration, Effects on Society, Global Environment and Prevention. *Science of The Total Environment*. Vol 728. 1-7.
- Jefferson, G. (2004b). Glossary of Transcript Symbols with an Introduction. In G. H. Lerner (ed.), *Conversation Analysis: Studies from the First Generation*. Amsterdam: John Benjamins, pp. 13-23.
- Leedy, P. & Ormrod, J. (2001). *Practical research: Planning and design* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Liddicoat, J., A. (2011). *An Introduction to Conversation Analysis*. Great Britain: Atheneum Press Ltd.
- Matheson, D. (2005). *Media Discourse*. Maidenhead: Open University Press.
- Meredith, J. (2017). Analysis Technological Affordances of Online Interactions using Conversation Analysis. *Journal of Pragmatics*.
- Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin. (2020). Kepanikan pengguna Media Sosial terhadap Virus COVID- 19. PENDETA: *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 1-10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.1.2020>
- Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir. (2003). *Teori Bahasa: Implikasinya terhadap pengajaran tatabahasa*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI
- Nur Amirah Che Soh. (2020). Giliran Bertutur dalam Bual Bicara Radio Tempatan. *Tesis P.H.D.* Universiti Putra Malaysia.
- Rohaidah Mashudi, Hawa Rahmat, Siti Rasyidah Sanudin, Sarinah Suliman & Ahmad Mahmood Musanif, (2017). Peraturan Interaksi Peristiwa Komunikatif Wawancara dalam Akhbar. *GEMA Online<sup>®</sup> Journal of Language Studies*, Vol.17(3), 71-85.
- Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Normaliza Abd Rahim. (2012). Celahan Dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia Dan Pelancong Jepun. *GEMA Online<sup>™</sup> Journal of Language Studies Volume 12(3)*.
- Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya & Rohaidah Haron. (2021). Daya Ujaran dalam Wacana Perutusan Perdana Menteri Mengenai COVID-19. PENDETA: *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 72-80. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.7.2021>
- Sacks, H., Schegloff, E. A., & Jefferson, G. (1974). A Simplest Systematics for the Organization of Turn-Taking for Conversation, *Language*, 50(4), 696-735.
- Wooffitt, R. (2005). *Conversation Analysis and Discourse Analysis A Comparative and Critical Introduction*. London: SAGE Publications.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). Gangguan dalam Sistem bertutur kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik. *Tesis P.H.D.* Universiti Putra Malaysia.